

SUMMARY

Guest of Honour:

Minister of Industry and Primary Resources
Brunei Darussalam

Organizer:

National Standards Centre
Ministry of Industry and Primary Resources

Venue:

National Standards Centre
Ministry of Industry and Primary Resources
Brunei Darussalam

Date:

8th. July, 2013, Monday

Highlights:

- Official opening ceremony of Temperature Calibration Laboratory by the Guest of Honour.
- Visit to the Temperature Calibration Laboratory
- Presentation by Nicholas Davies, representative from Isothermal Technology Limited (ISOTECH) on “Temperature on Life and Trade”

ENGLISH VERSION:

On the July 8, 2013, the World Metrology Day 2013 was celebrated with the opening of the Temperature Calibration Laboratory, National Standards Centre, Ministry of Industry and Primary Resources, which was held at the main office of the National Standards Centre in Kampong Sinaut, Tutong District. A seminar, in conjunction to the World Metrology Day 2013 will be held in the Goldstone Ballroom, Centrepoint Hotel, Gadong on the 26th August 2013.

The National Standards Centre through the Measurement Standards Division will play key role as the custodian of the national measurement standards traceable to the International System of Units (SI). The Laboratories under the Measurement Standards Division will play a role as the National Metrology Laboratory or National Measurement Laboratory to ensure compatibility of the National Measurements Standards or Primary Measurements Standards with the international system as defined by International System of Units under the Metre Convention.

The main objective in establishing this laboratory is to solve any measurement issue regarding traceability and cross-border recognition in order to support certification standards and laboratory accreditation, which are recognized internationally to promote all export, trade, safety, and consumer protection activities in Brunei Darussalam.

The services from the Temperature Calibration Laboratory will assist all testing laboratories under the Government and Private sectors in obtaining international recognized laboratory accreditation such as Good Laboratory Practice – GLP for laboratories, ISO/IEC 17025 for calibration and testing laboratories and ISO 15189 for medical laboratories to ensure the lab results are correct. This calibration service will also help local Small Medium Entrepreneurs (SMEs), Industries and Factories in complying with international standard certification such as Good Manufacturing Practice Certification (GMP), Product Certification, Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP), Food Safety Management (ISO 22000), Quality Management System (ISO 9001) and Environmental Management System (ISO 14001).

The ceremony was attended by the Minister of Industry & Primary Resources, Permanent Secretary & Deputy Permanent Secretary of Industry & Primary Resources, Members of National Standard Council, Director of Departments & Head of Divisions under the Ministry of Industry and Primary Resources, Senior Officers from Government and Private sectors Laboratories, relevant government agencies involved in providing metrology services and stakeholders from the private sectors.

MALAY VERSION:

Pada 8hb. Julai, 2013, Hari Metrologi Sedunia 2013 disambut dengan Perasmian Pembukaan Makmal Kalibrasi Suhu, Pusat Standard Kebangsaan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bertempat di Pejabat Pusat Standard Kebangsaan di Kampong Sinaut, Daerah Tutong. Satu seminar juga akan diadakan bagi sempena memperingati sambutan Hari Metrologi Sedunia tersebut pada 26hb. Ogos, 2013 bertempat di Goldstone Ballroom, Centre Point, Gadong.

Sambutan Hari Metrologi Sedunia diadakan di seluruh negara pada setiap tahun bagi memperingati *Metre Convention* atau juga dikenali *Treaty of the Metre* pada 20hb. Mei, 1875. Perjanjian ini bertujuan bagi memastikan keseragaman penggunaan standard sukatan di seluruh negara. Dalam perjanjian tersebut *Bureau of Weights and Measures* (BIPM) dan *International Organisation of Legal Metrology* (OIML) iaitu badan-badan standard sukatan diberi tanggungjawab dalam pembangunan dan pemantauan serta penggunaan sistem metrik diperingkat antarabangsa.

Metrologi atau juga dikenali sebagai sains sukatan ialah salah satu sains yang berhubungkait dengan aktiviti ketetapan di dalam pengukuran/sukatan dan timbangan. Ianya sangat diperlukan dalam kerja-kerja seharian untuk menjamin keselamatan dan perlindungan pengguna, akan tetapi masih ada setengah masyarakat yang belum lagi memahami akan kepentingannya.

Pusat Standard Kebangsaan melalui Bahagian Standard Sukatan akan memainkan peranan sebagai pihak berkuasa dalam memelihara Standard Sukatan Kebangsaan yang dapat dikesan (*traceable*) kepada Sistem Antrabangsa (SI Unit) iaitu *International System of Units* (SI). Makmal-makmal dibawah Bahagian Standard Sukatan akan berperanan sebagai Makmal Metrologi Kebangsaan atau Makmal Sukatan Kebangsaan yang mempunya bidang tugas bagi memastikan Standard Sukatan Kebangsaan adalah selaras dengan Sistem Antrabangsa (SI Unit) seperti dalam perjanjian Convention.

Peranan utama makmal ini adalah bagi menangani segala isu sukatan yang berkaitan dengan *Traceability* dan *Cross Border Recognition* serta dapat mendokong Standard Persijilan dan Pengiktirafan Makmal yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi memudahkan aktiviti-aktiviti eksport di Negara Brunei Darussalam.

Perkhidmatan makmal ini juga akan dapat memudahkan serta membantu makmal-makmal ujian di bawah agensi-agensi Kerajaan dan Swasta dalam menepati keperluan Pengiktirafan Makmal seperti Good Laboratory Practice – GLP bagi makmal, ISO/IEC 17025 bagi makmal kalibrasi dan ujian dan ISO 15189 bagi makmal perubatan dalam mendapatkan laporan ujian yang sah. Secara tidak langsung, makmal ini akan dapat membantu Pengusaha Kecil & Sederhana (PKS) serta industri-industri dan kilang-kilang dalam menepati standard persijilan antarabangsa seperti Persijilan Good Manufacturing Practice (GMP), Persijilan Produk, HACCP, ISO 22000, ISO 9001 dan ISO 14001.

Perasmian Pembukaan Perkhidmatan Makmal Kalibrasi Suhu, Pusat Standard Kebangsaan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dirasmikan oleh

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Turut hadir di majlis itu ialah Yang Mulia Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti PJDSMDSU (Dr) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; Yang Mulia Awang Md. Riza bin Dato Paduka Haji Md. Yunos, Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri dan Keusahawanan), Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; Yang Mulia Hajah Hasnah binti Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama), Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; Ahli-Ahli Majlis Standard Kebangsaan; Pengarah-Pengarah Jabatan & Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; Pegawai-Pegawai Kanan dari makmal-makmal di agensi Kerajaan dan Swasta dan pengusaha-pengusaha tempatan serta industri-industri yang berkaitan dengan metrologi.